



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)


Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JURUTERA (B.2 EB.3 / B.2)

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



JURUTERA

PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU

B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)

KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Aircraft Maintenance Aeronautical / Civil Engineering / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / Kejuruteraan Mekanikal* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Aircraft Maintenance Aeronautical / Civil Engineering / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / Kejuruteraan Mekanikal* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Pembantu Teknik dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Kejuruteraan Bangunan atau Elektrikal sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Ditugaskan bagi mengetuai satu Seksyen Pemeliharaan Bangunan termasuk pentadbiran kakitangan dan juga peralatan di bawah pentadbiran seksyen tersebut; dan
2. Bertanggungjawab bagi urusan pemeliharaan dan juga operasi sistem-sistem bangunan, termasuk membuat anggaran kira-kira perbelanjaan dan perlaksanaan aktiviti-aktiviti pemeliharaan bangunan mengikut tanggungjawab setiap seksyen.